

## UNTUNG BERSIH BANK ISLAM NAIK 12.5% KE RM553.1 JUTA PADA TK2023

Umum dividen interim kedua tunai keseluruhan sebanyak 4.22 sen sesaham

### **SOROTAN**

- Untung Bersih Kumpulan naik 12.5% tahun-ke-tahun (y-o-y) ke RM553.1 juta
- Pulangan Ekuiti Bersih (ROE) pada 7.8% dan Perolehan Sesaham (EPS) sebanyak 24.57 sen
- Pembiayaan meningkat 3.0% y-o-y ke RM66.8 bilion, manakala jumlah akaun deposit dan pelaburan meningkat 1.2% y-o-y ke RM76.1 bilion
- Komposisi akaun semasa dan simpanan, dan transaksi pelaburan (CASATIA) teguh pada 39.9%
- Nisbah Jumlah Modal kukuh pada 19.9%
- Umum dividen interim kedua tunai keseluruhan sebanyak 4.22 sen sesaham, membawa dividen tahunan keseluruhan kepada 16.81 sesaham.

---

**KUALA LUMPUR, Rabu, [28 Februari 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mencatat keuntungan bersih RM553.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (TK2023), peningkatan sebanyak 12.5% berbanding tahun sebelum. EPS dan ROE bersih Kumpulan telah meningkat masing-masing kepada 24.57 sen dan 7.8% untuk TK2023.

Pendapatan bersih Kumpulan naik 7.2% kepada RM2.48 bilion (RM2,477.2 juta) berbanding RM2.31 bilion (RM2,309.9 juta) pada tahun lepas. Pendapatan bukan berasaskan dana adalah lebih tinggi, melonjak sebanyak RM175.5 juta dan 75.9% berikutan laba bersih lebih tinggi daripada transaksi tukaran matawang asing dan pendapatan pelaburan lebih tinggi yang dikaitkan kepada pertumbuhan yang direkodkan.

Namun begitu, peningkatan tersebut diimbangi oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang menurun sedikit sebanyak 0.4% atau RM8.3 juta kerana margin pendapatan bersih lebih rendah sebanyak 16 mata asas kepada 2.12% untuk TK2023 (TK2022: 2.28%) disebabkan kos dana yang lebih tinggi walaupun terdapat pertumbuhan dalam pembiayaan. Overhead yang lebih tinggi dan pengembangan eluan bersih untuk rosot nilai ke atas pembiayaan dan pendahuluan mengimbangi peningkatan pendapatan bersih Kumpulan.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mengisyiharkan dividen interim kedua satu peringkat tunai sebanyak 4.22 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen tahunan kepada 16.81 sen sesaham.

Jumlah aset Kumpulan meningkat sebanyak 1.2% tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM91.0 bilion pada akhir Disember 2023, didorong oleh pertumbuhan sekuriti pembiayaan dan pelaburan, dan telah diimbangi oleh tunai lebih rendah dan dana-dana jangka pendek.

Pembiayaan meningkat 3.0% y-o-y kepada RM66.8 bilion, manakala deposit pelanggan dan akaun pelaburan berada pada RM76.1 bilion, peningkatan y-o-y sebanyak RM0.9 bilion atau 1.2%. Pertumbuhan ini dikaitkan terutamanya kepada pertumbuhan y-o-y yang kukuh sebanyak 9.8% atau RM2.7 bilion dalam jumlah CASATIA, yang berada pada RM30.4 bilion. Komposisi ini menjadikan paras sihat sebanyak 39.9% daripada jumlah deposit pelanggan dan akaun pelaburan. Nisbah Jumlah Modal Kumpulan kekal kukuh pada 19.9%.

Bank Islam mengekalkan kedudukan modal dan kecairan yang teguh, menggariskan kekuatan berterusan momentum pertumbuhan dan asas Kumpulan.

Setakat 31 Disember 2023, nisbah pembiayaan kasar meningkat 0.92% berbanding 1.27% pada penghujung Disember 2022, lebih baik daripada purata industri iaitu 1.65%.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed, menjelaskan bahawa pada tahun 2023, Bank Islam mengutamakan pengukuhkan asasnya di tengah-tengah ketidaktentuan ekonomi, memberi tumpuan kepada disiplin lembaran imbangan.

Tambahan pula, Kumpulan telah mengenal pasti peluang-peluang dalam bidang pertumbuhannya di samping memastikan kesediaan infrastruktur untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Kami telah menambah baik profil pembiayaan Bank Islam dengan menumpukan pada mengembangkan asas deposit kami dalam kalangan segmen peruncitan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), meningkatkan keupayaan transaksi perbankan dan pembayaran. Kami melancarkan Dana Akaun Pelaburan Mampan Ihsan (ISIA) dan menyediakan akses kepada aset-aset ESG yang berdasarkan hutang untuk pelabur," kata Dato' Mohd Muazzam.

ISIA adalah yang pertama seumpamanya yang mempamerkan keupayaan Kewangan Islam untuk menyediakan produk yang akan memupuk Ekonomi Alam Semula Jadi Positif dan memastikan pertumbuhan inklusif merentas masyarakat.

Beliau menjelaskan bahawa komitmen Bank Islam terhadap pertumbuhan aset yang bertanggungjawab telah membawa kepada peningkatan pemerolehan pelanggan, khususnya dalam sektor ESG, menghasilkan pulangan positif walaupun pertumbuhan aset yang lebih rendah tahun lepas.

## **Unjuran**

Bank Islam memperkuuh kekuatan terasnya di samping menggalakkan pemerkasaan komuniti dan kemampunan. Perkongsian strategik, produk khidmat

nasihat dan penyelesaian inovatif melalui Perbankan Runcit Kumpulan dan Perbankan Institusi Kumpulan adalah tumpuan penting.

Dato' Mohd Muazzam menggariskan objektif-objektif strategik untuk 2024, menekankan kepada pertumbuhan, kualiti aset, kecairan dan pengurusan pembiayaan, selain keuntungan untuk menerajui sektor perbankan Islam Malaysia.

"Perhatian diberikan kepada tumpuan kepada pelanggan dan pembiayaan mampan melalui inisiatif hijau dengan matlamat termasuk meningkatkan pendapatan bukan berdasarkan dana, menyasarkan pertumbuhan optimum pembiayaan melebihi industri, dan mengekalkan kualiti aset yang teguh.

Bank akan memanfaatkan lagi keupayaannya dalam pengurusan kekayaan, pada masa sama mengekalkan daya saing dalam segmen runcit. Penekanan kepada pertumbuhan CASATIA melalui perkongsian dan mempromosikan komuniti tanpa tunai dengan tumpuan berterusan kepada peruncitan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS)," katanya.

"Pada tahun 2024, penyelesaian pelanggan Bank Islam akan berkembang melangkaui pembiayaan tradisional untuk membantu meningkatkan kedudukan kewangan dan penghasilan nilai pelanggan dengan pilihan termasuklah penyenaraian dan pengumpulan dana ekuiti persendirian," katanya.

Bank Islam baru-baru ini menyertai rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei (UNGCMYB), sebagai sebahagian daripada ikramnya ke arah kemampanan.

"Ia merupakan peristiwa penting ke arah menggalakkan amalan perniagaan yang mampan dan menyelaraskan strategi dan operasi kami kepada Sepuluh Prinsip meliputi hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan anti rasuah.

"Menerusi penyertaan itu, Bank Islam berhasrat untuk mengangkat cita-cita UNSDG dan libat urus dengan ahli UNGCMYB yang lain bagi memupuk kerjasama dan inovasi, sekali gus membolehkan kami berkongsi amalan terbaik selain belajar daripada pihak lain, dan menarik minat pelanggan serta rakan kerjasama yang mementingkan alam sekitar untuk memacu perniagaan ke hadapan," jelas Dato' Mohd Muazzam.

Dalam mendahuluikan komitmen kemampanan, Kumpulan telah melepas unjuran untuk aset Syariah-ESG, mencapai RM4 bilion pada 2023 – dua tahun lebih awal daripada sasaran asal 2025. Setakat akhir tahun 2023, aset Shariah-ESG Bank Islam berada pada RM4. 5 bilion.

Bagi saluran digital, pertumbuhan Perbankan Internet (IB) dan aplikasi perbankan mudah alih GO by Bank Islam dijangka meningkat pada 2024. Dengan pengguna berdaftar melebihi dua juta, Bank Islam kini memperkuuh kebolehpercayaan terhadap sistem dan memberikan pengalaman pelanggan lebih baik dengan menawarkan lebih banyak tawaran dan ciri-ciri inovatif untuk memberikan para pelanggan pengalaman perbankan yang lancar dan selamat.

Kewangan sosial diletakkan sebagai unsur boleh bagi pembangunan sosial di Malaysia, melengkapkan sektor kewangan awam dan penyelesaian kewangan yang didorong secara komersial untuk memperkuat daya tahan sosial dan memupuk pembangunan inklusif.

Sebagai peneraju institusi kewangan Islam yang memperjuangkan kewangan sosial, Dato' Mohd Muazzam menambah bahawa Bank Islam akan terus menyediakan peluang dan meningkatkan mobiliti ke atas bagi segmen yang tidak diberi perkhidmatan dan kurang mendapat perkhidmatan, khususnya perusahaan mikro milik asnaf dan B40 melalui penawaran program kewangan mikro (iTEKAD).

“Sejak dilancarkan pada 2020, pembiayaan berjumlah RM20 juta telah membantu hampir 1,200 penerima, termasuk lebih 200 individu, di bawah program iTEKAD dan program peningkatan pembiayaan kami. Pada tahun 2024, Bank akan meneruskan usahanya dan mengembangkan fokus membangunkan perusahaan sosial di Malaysia. Inisiatif itu akan memberi peluang kepada usahawan sosial untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan melalui program iTEKAD kami yang komprehensif,” katanya.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.